

Asma' Abdullah

Cerpen oleh Wan Noorli Razali

"Baik, satu lagi tugas baru untukku. Sarah, buat yang terbaik!" jeritku teruja untuk sekali lagi menemui seseorang yang hebatnya di sebalik tabir. Menjadi penulis di majalah tempatan, tugasku pastinya istimewa. Menemuramah insan-insan berhati mulia yang tidak pernah merasakan diri mereka sedemikian rupa. Mereka adalah contoh terbaik buat masyarakat yang kian hilang kepercayaan dan kian pudar jati diri.

Selain hanya mengidolakan watak-watak mitos yang jelas sekali bermuka dua, aku yakin dengan artikel-artikel yang kutulis, inspirasi dan watak baru yang lebih tulus dan hebat mampu menjadikan masyarakat di negara ini lebih dihormati. Setidaknya, kita tahu selain daripada melihat katak-katak melompat dan ayam dan itik yang asyik berkejaran dan bergaduh di papan kekunci, masyarakat perlukan sesuatu yang lebih bernilai.

Aku membuka fail tugas. **Asma' Abdullah**. Nama yang biasa, tapi aku pasti insan yang berjiwa luar biasa. Tidak seorang pun yang kutemui setakat ini tidak membuatku terpesona. Ia bagaikan satu rahsia yang menjadikan tugasku seakan seorang mata-mata. Masa semakin suntuk, aku harus mulakan langkahku. Aku terus menghidupkan kunci kereta dan menuju ke destinasi pertamaku, Hospital Ikhtiar Al-Falah. Sesampai di sana, satu suasana berbeza kurasakan. Tidaklah semewah mana tapi selesa. Aku disambut dengan salam dan senyuman. Selalu sahaja aku lihat senyuman, tapi perasaannya lain pabila merasai lahirnya dari keikhlasan dan bukan paksaan. Aku menuju ke kaunter pertanyaan. "Cik, assalamualaikum. Boleh saya tahu mana Dr. Asma Abdullah?" tanyaku tangkas.

"Bilik Dr. Asma' di tingkat dua cik. Cik boleh ambil lif di hadapan sana atau ada tangga di sebelahnya," jawab seorang staf yang kurasakan amat sopan walaupun kelihatan sibuk menguruskan hal lain. Dalam setiap pekerjaan, ada perkara yang perlu diutamakan dan aku amat yakin yang paling penting dan berharga adalah keikhlasan. Aku sekadar menaiki tangga. Pintu tingkat dua aku kuakkan. Kedengaran suara perbualan yang pastinya menjengah masuk ke telinga.

"Ya betul lah tu. Baik sangat orangnya, nasib baiklah ada dia kalau tak anak aku tu tak tahulah apa nak jadi..." kata seorang makcik yang menggelengkan kepala sambil menghela nafas lega. Kedua-duanya memakai pakaian seragam sebuah syarikat dengan logo mop dan baldi.

"Ini pastinya cerita yang menarik Sarah!" bisik hatiku sambil menghidu kisah rahsia yang bakal kubongkarkan. Lebih baik bongkarkan kebaikan daripada kejahatan, kalau asyik kita

mengira aib orang sampai penghujung dunia pun takkan terhenti. Itulah yang kurasakan.

Aku lebih gemar mendengar pandangan orang tanpa mereka tahu siapa diriku. Satu sebab kenapa aku tak pernah buat temujanji. Aku hanya mencuba nasibku. Bagiku biarpun ia mengambil masa, tapi itulah realiti dan bukannya fantasi. Dalam perbualanku bersama dua orang makcik tersebut, aku mendapat sedikit gambaran tentang siapa Dr. Asma'. Aku tahu yang doktor ini telah membantu anaknya. Insan ini menanggung sepenuhnya kos pembedahan dan menjalankan pembedahan itu sendiri. Baik betul hatinya. Aku juga dapat tahu bahawa ini bukan bantuan yang pertama selain beliau mempunyai peribadi yang amat disenangi dan dihormati semua yang mengenali dirinya. Tak sabar ingin aku menemuinya.

Aku terus ke pintu dengan tanda pejabat. Ada carta organisasi di papan putih di dinding. Aku lihat namanya di puncak carta tersebut. **Dr. Asma' Abdullah**. Bukan calang-calang insan istimewa ini. Tapi kenapa aku tidak pernah mendengar namanya dicanang di media. Memanglah tak, tak sensasi pun. Pastinya bukan berita dengan tajuk 'seorang penjawat awam ditangkap menerima suapan 1.75 juta' atau 'ibu beranak tiga ditemui mati di bawah katil akibat dijerut'. Kisah begini membolehkan minda ligat membina spekulasi dan hipotesis. Membolehkan hukum dijatuhkan melalui perspektif yang amat sempit. Tapi itulah yang ramai daripada kita suka.

Kulihat lagi pada carta. Semuanya nama, tiada langsung wajah pemiliknya. Pelik betul. Selalu carta organisasi mestilah ada wajah-wajah dedikasi yang pastinya akan membina keyakinan semua orang untuk mendapatkan perkhidmatan di sini. Selalunya lagi besar lagi bagus. Kalau kecil saiz di carta pertama, di carta lain pasti akan tak perlu guna kanta pembesar. Ringkas sangat ni. Tapi tak apalah. Aku terus menuju ke pintu. Di lorong bersebelahan kelihatan seorang doktor berjalan pantas keluar bersama jururawat. Seakan berbincang tentang keadaan seorang pesakit dalam bahasa yang pastinya makhluk asing bagiku. Aku tidak melihat wajah mereka kerana aku terlalu teruja untuk menemui Dr. Asma'. Aku terus mengetuk pintu tersebut. Pintu dibuka dan aku melangkah masuk. Aku mengucap panjang. Nampak macam bilik guru pula. Selesa kah agaknya mereka bekerja di sini. Mana pula bilik Dr. Asma'. Aku pun menanyakan tentangnya. "Di sinilah Dr. Asma' bekerja, itu mejanya" jawab seorang staf sambil menunding jari ke arah meja yang kelihatan sama semuanya.

"Habis kat mana jumpa tetamu atau jika nak berbincang dengan pesakit?" tanyaku yang masih terkejut. Pastinya bagi mana-

bersambung di mukasurat berikut ...

... bersambung dari mukasurat sebelum

mana hospital swasta, setiap doktor punya bilik berhawa dingin sendiri dengan ruang besar. Ada bilik mesyuarat dan bilik-bilik mewah lain. Segalanya begitu sederhana di sini. Nak kata teruk sangat tu taklah. Tapi kalau orang biasa tengok, mesti rasa macam hospital ni miskin dan tak berduit.

“Kami memang lain cik. Dr. Asma’ sentiasa merasakan kebersamaan dan perbincangan membolehkan kami menyelesaikan masalah bersama. Kerjasama yang utuh menuju ke satu jalan adalah asas perjuangan kami. Beliau juga lebih suka bersederhana. Jika ada tetamu, kami ada bilik khas lain insyaAllah.” jelas staf di situ.

Walaupun semuanya kabur bagiku, aku setuju yang kita tak perlu mengikut definisi berasaskan acuan tiruan ciptaan manusia lain yang resepinya kemegahan dan kebergantungan akan dunia. Kita sudah terlalu lama menjadi pengikut yang buta. Sudah masanya kita celik dan memahami erti sebenar dunia yang berlegar.

“Yang penting adalah pesakit, jika bilik besar sekalipun, tetapi hidung doktor lebih tinggi ketika mencongak akaun daripada memberikan senyuman dan khidmat bakti kepada pesakit buat apa,” desus hatiku. Dunia yang dahulunya jujur kini kian tipis dek kerana tekanan pada nilai ketaksuban dunia yang melebihi etika dan akhlak.

Aku terus menghentikan lamunan. “Oh ya, saya sebenarnya nak bertemu dengan Dr. Asma’. Mana dia?” tanyaku.

“Cik baru ja terlepas. Dr. Asma’ baru saja keluar menguruskan hal lain” jawab staf yang sama dengan senyuman. Semua di sini sangat murah dengan senyuman biarpun kelihatan keletihan. Tapi yang paling kutakjub, bukan dalam keterpaksaan. Meskipun keikhlasan itu tidak mampu diukur atau dipastikan tapi ia dapat dirasakan dengan hati.

Sekejap. Terlepas. Maksudnya doktor dan jururawat tadi. Aku tak sedar yang aku boleh terlepas pandang kehadirannya. Kenapa aku boleh cuai ya sedangkan selama ini mataku amat tajam. Mestilah boleh jadi, aku kan manusia juga. Aku terus mengucapkan terima kasih dan meninggalkan hospital. Kubuka fail tadi, destinasi seterusnya, Rumah Hidayah. Bunyi macam rumah kebajikan. Doktor ni seorang filantropi, bagus betul bisik hatiku.

Aku segera mengaktifkan carian dan menggunakan peta penunjuk arah, aku terus menuju ke sebuah perkampungan di pinggir kota. Aku tinggalkan kereta di bahu jalan dan menuju ke sebuah rumah besar. Benarlah sangkaanku, sebuah rumah anak yatim. Baik sungguh insan ini. Ya Allah, temukan aku dengannya.

Kelihatan anak-anak kecil berlari dan bermain di hadapan rumah, bagaikan malaikat bersayap kecil yang sedang saling mengejar.

Aku hentikan bayangan kisah dalam kotak TV yang menjadi hidanganku sedari kecil. Masa itu kecil, apa yang difahami dari skrin bewarna adalah realiti yang kadang-kadang terus hidup menjadi kebenaran dalam diri. Bahayanya kotak tu bila tiada panduan dan asas yang benar. Aku memberi salam.

“Walaikumussalam kakak,” senada anak-anak sesuci dan selembut kapas ini menjawab salam. Macam mendengar alunan ucapan selamat pagi di dalam kelas sewaktu di sekolah dahulu. Mereka kelihatan amat gembira dan ceria.

“Mak, ada orang datang,” tambah salah seorang daripada mereka. Seorang makcik keluar menyapaku mesra. Aku menerangkan tujuan kedatanganku. Asma’ dah keluar. Mak Teh Su menceritakan kepadaku tentang rumah ini dan Asma’ Abdullah. Rupanya insan istimewa ini juga adalah anak yatim sedari kecil. Pasti bukan sesuatu yang mudah buatnya, namun kejayaan sebegini bukan sesuatu yang biasa bagiku. Apa agaknya resepinya. Pasti jika aku selusuri semua tempat di dalam senarai yang berkaitan dengannya, banyak lagi yang kan aku temui. Dan aku pasti jika kebaikan yang ingin kukari, pastinya kebaikan yang akan aku temui.

Aku menunggu dengan sabar di ruang tamu sambil menghayati ruangan yang ada. Di situ dipenuhi rak bersusun penuh buku. Bagaikan ruang tamu ilmu. Asma’ inginkan anak-anak ini menjadi mereka yang berilmu. Pasti tidak pelik. Ilmu membolehkan kita tahu lebih banyak dan menjalani kehidupan yang lebih baik. Tapi pasti ada syaratnya. Ilmu yang disusuli dengan amal. Aku biasa melihat ayam yang berkokok dan berketak, hingar bingar sekampung namun telurnya sebiji. Baik juga ada sebiji, ada juga yang langsung tiada! Lebih baik diam seperti padi, resminya semakin tunduk, semakin berisi. Dari isi sehingga ke tangkai, menjadi abu tetap berguna kembali tunduk kepada tanah, bersatu dan sehati.

“Nak, minum teh dan makan cucur dulu ya. Kejam lagi baliklah Asma’,” pinta lembut Mak Teh Su sambil menghidangkan semuanya di meja kecil ruang tamu. Aku mengucapkan terima kasih. Terdengar bunyi motosikal berlalu di tepi rumah menuju ke belakang. Bunyi enjin itu pun berhenti. Mak Teh Su kembali memberitahuku Asma’ ada dibelakang rumah. Baiknya Asma’, balik naik motosikal sahaja. Mana keretanya. Paling tidak patutnya kelihatan sebuah kereta cantik di mana-mana ruang luar rumah. Doktor kan. Tapi dia insan yang membesar dalam keadaan kekurangan sedari kecil pastinya dia biasa susah. Fikiranku terhenti. Aku ke belakang kawasan rumah tersebut. Ada kelibat batang tubuh yang duduk di kerusi batu di bawah pokok tak jauh dari situ.

“Pakai ja selipar Mak Teh tu”, kata Mak Teh Su kepadaku. Aku menyarung selipar Jepun dan menuju ke arah tubuh itu. Semakin aku mendekatinya, penglihatanku semakin kabur. Kenapa ni?

bersambung di mukasurat berikut ...

... bersambung dari mukasurat sebelum

Takkan pukau? Aku hampir tersadung. Namun aku dapat merasakan ada yang menyambut tubuhku, mengelakkan aku dari jatuh. Aku berpaut padanya.

Mataku tidak dapat kubuka kerana terlalu kabur. Aku merasakan seakan dunia hilang dari pandanganku. "Awak tak apa-apa?" tanya Asma'. Aku yakin dia, mana ada orang lain tadi. Dia doktor, aku harapkan dia untuk membantuku. Pasti dia tahu apa yang perlu dilakukan.

"Apa nama awak?" tanyanya lagi. Dalam kepayahanku membuka mata yang kabur, aku tetap menjawab.

"Baik Sarah. Istighfar banyak-banyak, mohon kepada Allah swt dibukakan hijab untuk ilmu yang benar," katanya. Kini bukan sekadar mata yang kabur, fikiran aku turut kabur, aku tak faham apa yang dimaksudkannya. Aku terus berdoa, berharap Allah SWT mengizinkan penglihatanku pulih. Dalam sekelip mata nikmat melihat ini direntap dariku. Aku membuka mata perlahan-lahan. Aku kembali dapat melihat semuanya. Alhamdulillah. Tapi ada satu yang tetap kabur. **Asma'**. Aku mungkin belum pulih sepenuhnya.

"Dr. Asma, saya tak nampak doktor," kataku kepadanya. Aku diminta duduk di sebelahnya dan kekal bertenang. Cerita bunian berlegar-legar di dalam mindaku. Seram pula aku rasakan sebab aku hanya mendengar dan yang kelihatan hanya kelibat yang amat kabur. Tapi mustahil jin sebab semua orang hospital

nampak, Mak Teh pun nampak, dan ada sejarah membesar sebagai manusia.


"Sarah, saya ni sama seperti awak. Apa yang awak tahu tentang saya?" tanya suara itu.

"Saya tahu awak **Dr. Asma' Abdullah**. Seorang doktor yang mempunyai jawatan yang sangat besar di hospital. Seorang yang sangat hebat saya rasakan, disenangi dan disukai semua. Pendek kata, saya sendiri pun teruja untuk mengenali doktor," jawabku jujur. Cuma yang tak aku fahami kenapa dirinya kabur di hadapanku. Suasana seketika sunyi tanpa suara.

"Nurul, saya hanya insan biasa. Tidak lebih daripada sekadar seorang hamba yang menunaikan hak pemiliknyanya. Saya dipenjara dunia yang fana. Saya sentiasa takut andai saya terkutip barang yang tiada harga. Nurul, saya adam. Lihatlah dengan mata hati, menembusi hakikat diri. Tiada zarah pada diri ini yang saya miliki. Yang besar, hebat, suka dan senang ini milik Ilahi. Carilah **Asma' Abdullah** walau di manapun, tidakkan pernah bertemu. Kerana diriku tajalli," ucap Asma'.

Aku membuka mata, kekaburan tadi kian terang dan kini aku mampu melihat **Asma' Abdullah** tersenyum manis di hadapanku.

-*tamat*-



Pisau diasah di pagi hari,
Bawa ke kebun untuk membatat.
Berakhir sudah coretan ini,
Semoga bisa memberi manfaat.

Pak Andi punya burung kenari,
Burung dijemur hingga siang hari.
Coretan berakhir sampai sini,
Salah dan janganlah mohon maklumi.